

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

YAM 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.  
(3 Jam)

Tempat Duduk: \_\_\_\_\_

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

Jawab SEMUA bahagian. Semua jawapan hendaklah ditulis di ruang yang disediakan.

BAHAGIAN A: 20%

Jawab soalan-soalan berikut dengan ringkas tetapi tepat.

1. Menurut Berlo, terdapat dua masalah utama apabila kita cuba mengkaji sesuatu proses, misalnya proses komunikasi. Apakah dua masalah tersebut?

---

---

---

---

2. "Salah satu fungsi utama pegawai perhubungan awam ialah untuk menyembunyikan semua perkara buruk yang melibatkan syarikatnya." Beri alasan menyokong atau menentang kenyataan di atas.

---

---

---

---

...2/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Drama radio "The Invasion from Mars", drama televisyen "The Doomsday Flight" dan lagu "Gloomy Sunday" boleh disimpulkan sebagai menunjukkan bahawa

---

---

---

---

4. Kajian yang dibuat oleh Rogers menunjukkan bahawa saluran-saluran maklumat yang berbeza adalah berkait rapat dengan peringkat-peringkat yang berlainan dalam proses membuat keputusan. Apakah peringkat-peringkat tersebut?

---

---

---

---

5. Dua kritikan terhadap Teori Pengaliran Maklumat 2 - Peringkat adalah

---

---

---

---

...3/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

6. Nyatakan formula Schramm untuk mengira kemungkinan sesuatu komunikasi akan dipilih atau digunakan.

---

---

---

---

7. Nyatakan satu ciri persamaan antara sistem media komunis Russia dengan sistem authoritarianisme.

---

---

---

---

8. Akhbar seringkali digelar sebagai cabang kuasa keempat (the Fourth Estate). Apakah tiga cabang kuasa lain yang berkait dengan sistem politik?

---

---

---

---

9. Apabila Lasswell mengatakan media massa ialah mata dan telinga ahli masyarakat beliau merujuk kepada

---

---

---

---

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

10. Keadaan "peningkatan harapan", seperti yang diistilahkan oleh Daniel Lerner bermaksud

---

---

---

---

BAHAGIAN B: 20%

Pilih jawapan yang betul dengan menandakan bulatan pada abjad di sebelah pilihan jawapan.

1. Wartawan yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah:
- A. Anwar Ibrahim
  - B. Lim Kit Siang
  - C. A. Samad Ismail
  - D. A. Samad Said
  - E. Tidak ada satu pun di atas
2. Salah satu daripada kriteria yang terpenting untuk menilai sesuatu media periklanan adalah dari sudut
- A. sambutan penonton ke atas rekod penjualan sesuatu media
  - B. sambutan penonton ke atas sesuatu media
  - C. menganalisa kesan sesuatu media dari segi kos yang dibelanjakan
  - D. sambutan penonton ke atas isi 'editorial' sesuatu saluran
  - E. Tidak ada satu pun di atas.

...5/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Teori Lerner diasaskan dari pendapat bahawa
  - A. Media massa dapat memperkembangkan penglibatan psikologi atau darjah empati seseorang individu
  - B. Media massa merupakan alat yang mempunyai ciri-ciri menggandakan kehadiran sifat-sifat yang perlu untuk pembangunan dan pemodenan
  - C. Komunikasi massa bukan penggerak utama dalam proses perubahan sosial yang bersifat pembangunan
  - D. Media massa berperanan sebagai agen pembaharuan yang dapat mempercepatkan proses peralihan masyarakat yang tradisional menjadi masyarakat yang moden
  - E. Tiada satu pun di atas.
  
4. TV3 dilancarkan pada tahun
  - A. 1982
  - B. 1983
  - C. 1984
  - D. 1985
  - E. 1986
  
5. Yang mana berikut bukan konsep komunikasi yang diutarakan oleh McLuhan
  - A. medium is the message
  - B. medium is the massage
  - C. global village
  - D. hot media
  - E. Tidak ada satu pun di atas
  
6. Di Malaysia, mengikut kajian Media Index 1985, akhbar yang paling besar pengedarannya ialah akhbar dalam bahasa
  - A. Bahasa Malaysia
  - B. Bahasa Melayu (Jawi)
  - C. Bahasa Inggeris
  - D. Bahasa Cina
  - E. Bahasa Tamil

...6/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

7. Dalam kajian tabiat pengundi, Lazarsfeld mendapati bahawa
- A. pengaruh media massa ke atas tabiat mengundi orang ramai adalah kecil sahaja
  - B. kebanyakan daripada pengundi tetap dengan pendirian mereka dari sebelum hinggalah selepas pilihanraya
  - C. mereka yang mengubah pendirian sebahagian besarnya dipengaruhi oleh komunikasi interpersonal
  - D. pemimpin pendapat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan mengundi
  - E. semua di atas
8. Satu dari berikut adalah bukan fungsi utama di dalam proses perhubungan awam:
- A. untuk menyalurkan maklumat-maklumat yang baik kepada orang ramai mengenai organisasi kita
  - B. untuk menunjukkan keutuhan organisasi kita kepada organisasi-organisasi yang bertanding
  - C. untuk menjaga perhubungan yang baik yang ada dengan orang ramai
  - D. untuk membetulkan hubungan yang tidak baik di antara organisasi kita dengan orang ramai
  - E. (B) dan (D)
9. Pada tahun 1986, seorang wartawan bernama Sabry Sharif telah didakwa di bawah
- A. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
  - B. Ordinan Hasutan 1948 (Pindaan 1971)
  - C. Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1983)
  - D. Akta Rahsia Rasmi 1972
  - E. Tidak ada satu pun di atas
10. Yang mana berikut tidak merupakan aliran (trend) media cetak tempatan dewasa ini:
- A. media elektronik semakin mengancam kedudukan media cetak
  - B. pembacaan akhbar lebih bagi tujuan mendapatkan maklumat manakala penontonan televisyen adalah lebih bagi tujuan hiburan
  - C. kebanyakan akhbar di Sabah dan Sarawak adalah berciri wilayah sahaja
  - D. pembacaan media cetak adalah tertumpu di kawasan bandar
  - E. peningkatan pengedaran akhbar Bahasa Inggeris mengatasi peningkatan pengedaran Bahasa Malaysia

...7/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

11. Iklan boleh melakukan perkara-perkara berikut kecuali
- A. memainkan peranan penting dalam pemasaran barang-barang
  - B. mempunyai pengaruh kuat ke atas pengguna
  - C. merayu kepada pengguna untuk menimbulkan satu keadaan di mana pengguna itu merasa ia memerlukan barang yang dipasarkan itu
  - D. berupaya memujuk, menyokong atau mendorong pengguna memenuhi keperluan-keperluan yang telah sedia wujud dalam dirinya
  - E. boleh menjual sesuatu barang kepada pengguna
12. Mengapakah filem-filem Melayu seperti "Suara Kekasih" dan "Kembara Seniman Jalanan" tidak disenaraikan untuk memenangi anugerah filem terbaik pada Pesta Filem Malaysia ke 6 yang lalu?
- A. filem-filem tersebut dikeluarkan oleh bukan warganegara Malaysia
  - B. filem-filem tersebut dikeluarkan oleh warganegara Indonesia
  - C. filem-filem tersebut dikeluarkan oleh warganegara Singapura
  - D. filem-filem tersebut mempunyai terlalu banyak unsur-unsur seks
  - E. filem-filem tersebut terlalu rendah mutunya.
13. Sesuatu kempen periklanan yang berkesan biasanya memerlukan
- A. sokongan dari aktiviti pencampuran pemasaran (marketing mix) yang lain
  - B. sokongan dan galakan dari aktiviti perhubungan awam
  - C. sokongan dan galakan penjualan (sales promotion) yang lain
  - D. sokongan daripada matlamat pemasaran
  - E. gabungan dari aktiviti pencampuran pemasaran (marketing mix) yang lain
14. Yang mana berikut bukan contoh penguatkuasa (regulator) dalam model HUB?
- (i) penyunting
  - (ii) wartawan
  - (iii) mahkamah
  - (iv) kumpulan berkepentingan sosial
  - (v) penerbit

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- A. (i), (ii) & (v)
  - B. (i), (v)
  - C. (iii), (iv) & (v)
  - D. (iii), (iv)
  - E. Tidak ada satu pun di atas
15. Yang mana berikut bukan digolongkan sebagai jenis penonton dalam komunikasi masa
- (i) mereka yang bersifat aktif
  - (ii) mereka yang terdedah kepada media
  - (iii) mereka yang mencari media ✓
  - (iv) mereka yang tidak gemar pada media
  - (v) mereka yang mencari kandungan media ✓
- A. (i), (ii) & (iii)
  - B. (i), (ii), (iii), (v)
  - C. (ii), (iii), (v)
  - D. (i), (iv)
  - E. (i), (ii), (iv)
16. Penerbitan cetak mana yang berikut pernah diharamkan di Malaysia?
- (i) Far Eastern Economic Review
  - (ii) Asiaweek
  - (iii) Asian Wall Street Journal
  - (iv) Wall Street Journal
  - (v) Mimbar Sosialis
  - (vi) Nadi Insan
- A. (i), (ii), (iii)
  - B. (v), (vi)
  - C. (i), (iii), (v), (vi)
  - D. (iii), (iv), (vi)
  - E. (iii), (v), (vi)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

17. Kenyataan berikut tidak benar bagi perhubungan awam.
- (i) perhubungan awam adalah satu hala
  - (ii) perhubungan awam melibatkan penggunaan komunikasi massa sahaja
  - (iii) perhubungan awam merupakan fungsi pengurusan
  - (iv) perhubungan awam terdiri daripada komunikasi luar organisasi sahaja
  - (v) matlamat utama rancangan perhubungan awam adalah pembentukan pendapat umum yang positif bagi sesuatu badan atau organisasi
- A. (i), (ii), (v)  
B. (ii), (iii), (v)  
C. (i), (iv)  
D. (i), (ii), (iv)  
E. (i), (ii), (iii)
18. Kajian-kajian menunjukkan bahawa keganasan yang ditayangkan melalui televisyen dan wayang gambar mungkin mempengaruhi kelakuan agresif melalui cara-cara:
- (i) melalui teknik kelakuan agresif
  - (ii) melalui pembentukan tabiat agresif yang telah pernah dipelajari sebelumnya
  - (iii) melalui memberi alasan-alasan kepada menghalalkan kelakuan ganas
  - (iv) melalui memberi rangsangan baru kepada kelakuan agresif
  - (v) melalui menimbulkan pembelajaran norma-norma kumpulan, nilai dan sikap yang agresif
- A. (i), (ii), (iii)  
B. (i), (ii), (iii), (iv)  
C. (i), (ii), (iii), (iv), (v)  
D. (iii), (iv), (v)  
E. (iv), (v)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

19. Dalam buku Mass Media & National Development, Schramm membincangkan fungsi-fungsi media massa dalam pembangunan dan perubahan. Yang mana berikut merupakan fungsi-fungsi yang dikemukakan oleh beliau.

- (i) memberi informasi
- (ii) pengambilan keputusan
- (iii) mendidik ✓
- (iv) pemberian darjat
- (v) pengawasan ✓
- (vi) penyebaran warisan sosio-budaya

- A. (i), (iii), (vi)
- B. (i), (iii), (iv), (v)
- C. (ii), (iii), (iv), (v), (vi)
- D. (i), (ii), (iii)
- E. (iv), (v), (vi)

20. Yang mana berikut adalah benar mengenai BERNAMA?

- (i) ia ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah Akta Parlimen
- (ii) pelanggan-pelanggannya terdiri daripada kedutaan-kedutaan, bank-bank, universiti-universiti, dan kementerian-kementerian tertentu
- (iii) ia menjadi pengedar tunggal berita-berita asing mulai 1hb Mei 1984
- (iv) ia merupakan ahli Agensi Berita Antarabangsa Islam

- A. (i), (iii)
- B. (i), (iii), (iv)
- C. (i), (ii), (iii)
- D. (ii), (iii), (iv)
- E. (ii), (iv)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

BAHAGIAN C: 20%

Baca soalan berikut dengan teliti dan tuliskan jawapan secara ringkas tetapi tepat dalam ruang yang disediakan.

1. Terangkan 5 (lima) benteng untuk mempertahankan diri kita dalam kes-kes saman malu (libel cases). (5 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

2. Berikut adalah beberapa orang pakar komunikasi. Secara ringkas, terangkan sumbangan mereka kepada bidang komunikasi. (5 markah)

a. Cohen

---

---

---

b. Lazarsfeld & Merton

---

---

---

c. Klapper

---

---

---

d. Festinger

---

---

---

e. Newcomb

---

---

---

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Nyatakan fungsi-fungsi Radio Televisyen Malaysia seperti yang terkandung dalam garis panduan Kementerian Penerangan.  
(5 markah)

4. Senaraikan serta jelaskan lima dakwaan bahawa iklan memperdayakan dan mempergunakan orang ramai.  
(5 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

BAHAGIAN D: 40%

Jawab 2 (DUA) soalan.

1. SAMA ADA

- a. Anda ialah seorang penasihat politik seorang menteri yang ingin mengekalkan kerusi parlimennya dari dirampas oleh dua orang calon lain. Jelaskan strategi komunikasi untuk memenangi hati pengundi yang anda akan aturkan. Dengan menyentuh teori atau model komunikasi massa dan hasil kajian yang telah dijalankan, berikan alasan mengapa anda memilih strategi tersebut. (Perhatian: strategi mestilah yang tidak bertentangan dengan undang-undang.)

ATAU

- b. "Masyarakat kluatir bahawa bahan-bahan jenayah dan keganasan boleh membentuk satu keadaan di mana orientasi nilai dan sikap dalam masyarakat akan menjadi rendah dan negatif. Apabila seseorang terlampau banyak didedahkan kepada bahan-bahan seperti itu, ia mungkin akan menganggap bahawa jenayah dan keganasan adalah satu perkara lumrah."

Berpandukan alasan-alasan yang munasabah beri pandangan anda menyokong ataupun menafikan petikan di atas.

...15/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

2. SAMA ADA

- a. Bincangkan peranan media massa dalam hal ehwal pembangunan dan sistem politik keseluruhannya di dalam negara-negara membangun, khususnya Malaysia.

ATAU

- b. Huraikan konsep "propaganda". Beri gambaran bagi teknik-teknik propaganda yang digunakan di Malaysia. Bagaimana pula pengaruh propaganda itu boleh ditentangi, sekiranya propaganda tersebut tidak lagi diperlukan?